



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
LEMBAGA PEPERIKSAAN

# KUPASAN MUTU JAWAPAN

Sijil Pelajaran Malaysia 2024



**Matematik  
Tambahan  
Kertas 1  
3472/1**

**1.0 INSTRUMEN PENTAKSIRAN**

Kod Mata Pelajaran	:	3472/1
Bentuk Ujian	:	Ujian Subjektif
Markah Penuh	:	80 Markah
Masa	:	2 Jam

**1.1 REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN**

Kertas 1 mengandungi 2 bahagian, iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.

**Bahagian A** : Mengandungi **12** soalan. Semua soalan wajib dijawab.  
Jumlah markah yang diperuntukkan ialah **64 markah**.

**Bahagian B** : Mengandungi **3** soalan. Calon perlu menjawab **2** soalan.  
Jumlah markah yang diperuntukkan ialah **16 markah**.

## 2.0 PRESTASI CALON BAHAGIAN A

### 2.1 PRESTASI CALON

#### 2.1.1 Prestasi Keseluruhan

Prestasi keseluruhan calon adalah sederhana. Calon menghadapi kesulitan dalam menjawab soalan bukan rutin dan soalan berbentuk kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) seperti soalan Pilih Atur dan Gabungan.

#### 2.1.2 Prestasi Mengikut Kumpulan

##### **Kumpulan Prestasi Tinggi**

Secara keseluruhannya, calon mempunyai pemahaman yang baik terhadap konsep matematik yang diuji. Calon mampu mentafsir maklumat serta menggunakan data daripada jadual, graf dan rajah dengan betul. Di samping itu, mereka mampu mengenal pasti kaedah penyelesaian masalah dan menggunakan rumus yang betul untuk mendapatkan jawapan yang lengkap, tepat dan jitu. Langkah kerja calon adalah teratur dan sistematik.

##### **Kumpulan Prestasi Sederhana**


Calon menguasai konsep matematik dengan baik apabila menjawab soalan rutin. Walau bagaimanapun, majoriti calon menghadapi kesulitan dalam menjawab soalan bukan rutin dan soalan KBAT. Calon membuat kesilapan semasa melakukan operasi aritmetik atau penggantian. Majoriti calon tidak menjawab Soalan 4, 7(c), 9(b), 10(b), 11(a), 11(b)(ii) dan 12(b) dengan lengkap dan tepat.

## 2.2 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN A

### Soalan 1

- 1 Rajah 1 menunjukkan graf garis lurus yang diperoleh apabila  $y = 4x^2 - 5$  ditukarkan dalam bentuk linear.

*Diagram 1 shows the straight line graph obtained when  $y = 4x^2 - 5$  is reduced to linear form.*



Rajah 1  
Diagram 1

Ungkapkan  $X$  dan  $Y$  dalam sebutan  $x$  dan / atau  $y$ .

*Express  $X$  and  $Y$  in terms of  $x$  and / or  $y$ .*

Calon dikehendaki menukar persamaan tak linear kepada bentuk linear dan mengungkap  $X$  dan  $Y$  dalam sebutan  $x$  dan/atau  $y$ .

**Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi**

$$y = 4x^2 - 5 \quad Y = mX + c$$
$$\frac{y}{x^2} = \frac{4x^2}{x^2} - \frac{5}{x^2} \quad Y = mX + 4$$

$$\frac{y}{x^2} = 4 - \frac{5}{x^2}$$

$$\frac{y}{x^2} = -\frac{5}{x^2} + 4$$

$$\frac{y}{x^2} = -5\left(\frac{1}{x^2}\right) + 4$$

$$Y = \frac{y}{x^2}$$

$$X = \frac{1}{x^2}$$

Calon dapat menukarkan persamaan tak linear kepada bentuk linear  $Y = mX + c$  dengan keadaan pintasan- $Y$  adalah 4. Seterusnya, calon dapat mengungkap  $X$  dan  $Y$  dalam sebutan  $x$  dan/atau  $y$  dengan tepat.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana


$$y = 4x^2 - 5 \quad (\text{y-intercept} = 4)$$
$$\frac{y}{x^2} = \frac{4x^2}{x^2} - \frac{5}{x^2}$$
$$\frac{y}{x^2} = 4 - \frac{5}{x^2}$$
$$\frac{y}{x^2} = -\frac{1}{x^2}(5) + 4$$
$$\frac{y}{x^2} = -5\left(\frac{1}{x^2}\right) + 4$$
$$\frac{y}{x^2} = -5\left(\frac{1}{x^2}\right) + 4$$
$$\underline{Y} = \underline{m} \underline{X} + \underline{C}$$

Calon dapat menukarkan persamaan tak linear kepada bentuk linear  $Y = -5X + 4$  dengan tepat tetapi tidak mengungkap  $X$  dan  $Y$  dalam sebutan  $x$  dan/atau  $y$ .

**Soalan 2(a)**

2 (a) Rajah 2 menunjukkan hubungan bagi dua set.

*Diagram 2 shows the relation of two sets.*



**Rajah 2**  
*Diagram 2*

Nyatakan julat hubungan itu.

*State the range of the relation.*

Calon dikehendaki memahami bahawa julat adalah suatu set imej yang mempunyai objek dan menyatakan julat hubungan itu berdasarkan gambar rajah anak panah.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\text{range} = \{-5, 10, 15, 25\}$$

Calon dapat menyatakan julat dengan tepat.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\text{Range: } -5, 10, 15, 25$$

Calon dapat mengenal pasti unsur-unsur julat bagi hubungan tersebut tetapi tidak menulis tatatanda set.

### Soalan 2(b)

(b) Fungsi  $g(x) = 3 - x$  diungkapkan dalam bentuk pasangan tertib seperti di bawah:

*Function  $g(x) = 3 - x$  is expressed in the form of ordered pairs as below:*

$$\{(-2, 5), (4, p - 10), (p, -6)\}$$

Cari nilai  $p$ .

*Find the value of  $p$ .*

Calon dikehendaki mencari nilai  $p$  dengan mengenal pasti objek dan imej daripada pasangan bertertib.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Contoh 1:

$$\begin{aligned}g(x) &= 3 - x \\p - 10 &= 3 - 4 \\p - 10 &= -1 \\p &= 9\end{aligned}$$

Contoh 2:

$$\begin{aligned}g(x) &= 3 - x \\-6 &= 3 - p \\-9 &= -p \\p &= 9\end{aligned}$$

Calon dapat menentukan nilai  $p$  dengan menggantikan pasangan objek dan imej yang betul ke dalam fungsi  $g(x)$ .

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana


$$\begin{aligned}g(x) &= 3 - x \\p - 10 &= 3 - 4 \\p - 10 &= -1 \\p &= 10 - 1 \\&= 11\end{aligned}$$

Calon dapat menggantikan pasangan objek dan imej yang betul tetapi melakukan kesilapan pengiraan ketika mencari nilai  $p$ .

**Soalan 3(a)(i)**

3 (a) Rajah 3 menunjukkan  $\underline{a}$  dan  $\overline{CD}$  pada grid segi empat sama.

*Diagram 3 shows  $\underline{a}$  and  $\overline{CD}$  on a square grid.*



Rajah 3  
Diagram 3

(i) Ungkapkan  $\overline{CD}$  dalam sebutan  $\underline{a}$ .

*Express  $\overline{CD}$  in terms of  $\underline{a}$ .*

Calon dikehendaki mengungkap vektor  $\overline{CD}$  dalam sebutan vektor  $\underline{a}$ . Soalan ini menguji kefahaman calon tentang konsep pendaraban vektor dengan skalar.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

$$\begin{aligned} \text{i) } \overrightarrow{CD} &= \underline{a} + \underline{a} + \frac{1}{2}\underline{a} \\ &= \frac{5}{2}\underline{a} \end{aligned}$$

Calon dapat mengenal pasti bahawa  $\overrightarrow{CD} = k\underline{a}$ , dengan  $k$  ialah pemalar dan memberi jawapan yang betul.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

$$\text{(i) } \overrightarrow{CD} = 2\underline{a} + \frac{1}{2}\underline{a}$$

Calon dapat mengenal pasti bahawa  $\overrightarrow{CD} = k\underline{a}$ , dengan  $k$  ialah pemalar tetapi tidak menulis jawapan akhir.


**Soalan 3(a)(ii)**

(ii) Lukis  $-4\underline{a}$  pada Rajah 3.

*Draw  $-4\underline{a}$  on Diagram 3.*


Calon dikehendaki melukis vektor  $-4\underline{a}$  pada Rajah 3. Soalan ini menguji kemahiran calon dalam menggunakan konsep pendaraban skalar negatif.

**Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi**



Calon dapat melukis vektor  $-4\underline{a}$  dengan magnitud dan arah yang betul.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana



Calon dapat melukis vektor dengan arah yang betul, tetapi magnitudnya tidak tepat.


**Soalan 3(b)**

(b) Penyelesaian secara lukisan berskala dan / atau vektor **tidak** diterima.

*Solutions by scale drawing and / or vector are **not** accepted.*

Rajah 4 menunjukkan garis lurus  $AB$ .

*Diagram 4 shows the straight line  $AB$ .*



Rajah 4  
Diagram 4

Diberi bahawa titik  $C$  terletak pada  $AB$  dengan keadaan  $AC : CB = 2 : 1$ , cari koordinat  $C$ .

*Given that point  $C$  lies on  $AB$  such that  $AC : CB = 2 : 1$ , find the coordinates of  $C$ .*

Calon dikehendaki mencari koordinat titik  $C$  dengan menggunakan rumus pembahagi tembereng garis.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

$$AC : CB = 2 : 1$$

$$\frac{AC}{CB} = \frac{2}{1}$$

$$C(x, y) = \left( \frac{5(1) + (-1)(2)}{1+2}, \frac{8(1) + (-1)(2)}{1+2} \right)$$

compare

$$x = \frac{5(1) + (-1)(2)}{1+2}$$

$$x = \frac{3}{3}$$

$$x = 1$$

$$y = \frac{8(1) + (-1)(2)}{1+2}$$

$$y = \frac{6}{3}$$

$$y = 2$$

$$C(1, 2)$$

Calon dapat menggantikan koordinat bagi titik  $A$  dan titik  $B$  mengikut nisbah yang diberi ke dalam rumus pembahagi tembereng garis dan mencari koordinat  $C$  dengan betul.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

$$(x, y) = \left( \frac{n_1x_1 + mx_2}{m+n}, \frac{ny_1 + my_2}{m+n} \right)$$

$$(x, y) = \left( \frac{2(5) + 1(-1)}{2+1}, \frac{2(8) + 1(-1)}{2+1} \right)$$

$$\begin{aligned} x &= \frac{2(5) + 1(-1)}{2+1} \\ &= \frac{9}{3} \\ &= 3 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} y &= \frac{2(8) + 1(-1)}{2+1} \\ &= \frac{15}{3} \\ &= 5 \end{aligned}$$

$$\text{titik } c = (3, 5)$$

Calon dapat menggunakan rumus pembahagi tembereng garis tetapi tersalah membuat tafsiran terhadap nisbah.

### Soalan 3(c)

(c) Penyelesaian secara lukisan berskala **tidak** diterima.

*Solutions by scale drawing is not accepted.*

Diberi bahawa  $P(4, 5)$  dan  $Q(2, 1)$  terletak pada suatu satah Cartes.

Cari persamaan garis lurus yang berserenjang dengan garis lurus  $PQ$  dan melalui titik  $P$ .

*It is given that  $P(4, 5)$  and  $Q(2, 1)$  lie on a Cartesian plane.*

*Find the equation of the straight line which is perpendicular to the straight line  $PQ$  and passing through point  $P$ .*

Calon dikehendaki mencari persamaan garis lurus serenjang dengan menggunakan kecerunan dan konsep sifat berserenjang, iaitu  $m_1 m_2 = -1$  dan menggantikan titik  $P$ .

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

$$\begin{aligned} & \text{Gradient } PQ, M_{PQ} \\ &= \frac{5-1}{4-2} \\ &= \frac{4}{2} \\ &= 2 \\ & m_1 m_2 = -1 \\ & 2 \times m_2 = -1 \\ & m_2 = \frac{-1}{2} \\ & y = \frac{-1}{2}x + c \\ & 5 = \frac{-1}{2}(4) + c \\ & 5 = -2 + c \\ & 7 = c \\ & y = \frac{-1}{2}x + 7 \end{aligned}$$

Calon dapat mencari kecerunan  $PQ$  dan seterusnya mencari kecerunan garis serenjang menggunakan  $m_1 m_2 = -1$ . Calon menggunakan kecerunan tersebut dan titik  $P$  untuk membentuk persamaan garis lurus.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

$$\begin{aligned}m &= \frac{y_2 - y_1}{x_2 - x_1} \\ &= \frac{5 - 1}{4 - 2} \\ &= 2\end{aligned}$$

$$m_1 m_2 = -1$$

$$\begin{aligned}2 \times m_2 &= -1 \\ m_2 &= -\frac{1}{2}\end{aligned}$$

$$y = mx + c$$

$$1 = -\frac{1}{2}(2) + c$$

$$1 = -1 + c$$

$$1 + 1 = c$$

$$c = 2$$


$$y = -\frac{1}{2}x + 2$$

Calon dapat mencari kecerunan  $PQ$  dengan betul dan seterusnya mencari kecerunan garis serenjang menggunakan  $m_1 m_2 = -1$ , tetapi tersilap ganti titik  $Q$  semasa membentuk persamaan garis lurus.

#### Soalan 4

- 4 Rajah 5 menunjukkan sebuah bulatan dengan pusat  $O$  dan lengkok  $AB$  yang mencangkum sudut  $\theta$  rad pada  $O$ . Diberi bahawa jejari bulatan itu ialah  $j$  unit dan panjang lengkok minor  $AB$  ialah  $s$  unit.

*Diagram 5 shows a circle with centre  $O$  and an arc  $AB$  which subtends an angle  $\theta$  rad at  $O$ . It is given that the radius of the circle is  $r$  unit and the length of the minor arc  $AB$  is  $s$  unit.*



Rajah 5  
Diagram 5

Berdasarkan Rajah 5, terbitkan  $s = j\theta$ .

*Based on Diagram 5, derive  $s = r\theta$ .*

Calon dikehendaki menerbitkan rumus panjang lengkok bulatan dengan menggunakan konsep kadaran, iaitu nisbah panjang lengkok kepada lilitan sama dengan nisbah sudut tercangkum di pusat bulatan kepada sudut satu bulatan lengkap.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\frac{s}{2\pi r} = \frac{\theta}{2\pi}$$

$$\frac{s}{r} = \theta$$

$$s = r\theta$$

Calon dapat menerbitkan rumus panjang lengkok dengan menggunakan konsep yang betul.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\frac{\theta}{2\pi} \times 2\pi r = s$$

$$\frac{\cancel{2\pi} r \theta}{\cancel{2\pi}} = s$$

$$r\theta = s$$

Calon tidak menggunakan konsep kadaran. Calon terus menggunakan rumus panjang lengkok berdasarkan pengetahuan sedia ada.

### Soalan 5

5 Diberi bahawa  $\log_m p = x$  dan  $\log_n p = y$ .

Menggunakan hukum-hukum logaritma, ungkapkan yang berikut dalam sebutan  $x$  dan  $y$ .

*It is given that  $\log_m p = x$  and  $\log_n p = y$ .*

*Using the laws of logarithms, express the following in terms of  $x$  and  $y$ .*

$$\log_{\frac{m}{n}} p$$

Calon dikehendaki menggunakan hukum penukaran asas, hukum hasil darab dan hukum hasil bahagi untuk mengungkap logaritma yang diberi dalam sebutan  $x$  dan  $y$ .

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned}\log_{\frac{m}{n}} p &= \frac{1}{\log_p \frac{m}{n}} \\ &= \frac{1}{\log_p m - \log_p n} \\ &= \frac{1}{\frac{1}{\log_m p} - \frac{1}{\log_n p}} \\ &= \frac{1}{\frac{1}{x} - \frac{1}{y}} \\ &= \frac{1}{\frac{y-x}{xy}} \\ &= \frac{xy}{y-x}\end{aligned}$$

Calon dapat menggunakan hukum-hukum logaritma untuk mengungkap  $\log_{\frac{m}{n}} p$  dalam sebutan  $x$  dan  $y$  dengan betul.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{aligned}\log_{\frac{m}{n}} p &= \frac{1}{\log_p \frac{m}{n}} \\ \Rightarrow \frac{1}{\log_p m - \log_p n} \\ \Rightarrow \frac{1}{\log_p m} - \frac{1}{\log_p n} \\ \Rightarrow \log_n p - \log_n p \\ \Rightarrow x - y\end{aligned}$$

Calon dapat menggunakan hukum-hukum logaritma dengan betul tetapi melakukan kecuaiian pada operasi pecahan.

### Soalan 6:

- 6 Selesaikan persamaan serentak berikut dengan menggunakan kaedah penggantian dan / atau penghapusan.

*Solve the following simultaneous equations by using the method of substitution and / or elimination.*

$$2x + 3y - 2z = -6 \quad , \quad -3x + y + 4z = -7 \quad , \quad -4x - 5y - 6z = 4$$

Calon dikehendaki menyelesaikan sistem persamaan linear dalam tiga pemboleh ubah  $x$ ,  $y$ , dan  $z$  dengan menggunakan kaedah penggantian dan/atau penghapusan.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

#### Contoh 1:

$$\begin{array}{l} 2x + 3y - 2z = -6 \quad \text{--- ①} \\ -3x + y + 4z = -7 \quad \text{--- ②} \\ -4x - 5y - 6z = 4 \quad \text{--- ③} \end{array}$$

Eliminate ② ① & ③

$$\begin{array}{r} 4x + 6y - 4z = -12 \\ (+) -3x + y + 4z = -7 \\ \hline x + 7y = -19 \quad \text{④} \end{array}$$

Eliminate ② ① & ③

$$\begin{array}{r} 6x + 9y - 6z = -18 \\ (-) -4x - 5y - 6z = 4 \\ \hline 10x + 14y = -22 \quad \text{⑤} \end{array}$$

Eliminate  $z$

$$\begin{array}{r} 10x + 70y = -190 \\ -10x + 14y = -22 \\ \hline 56y = -168 \\ y = -3 \end{array}$$

Eliminate  $z$

$$\begin{array}{r} 2x + 3y - 2z = -6 \\ 2(2) + 3(-3) - 2z = -6 \\ 4 - 9 - 2z = -6 \\ -5 - 2z = -6 \\ -2z = -1 \\ z = \frac{1}{2} \end{array}$$

Eliminate  $z$

$$\begin{array}{r} x + 7y = -19 \\ x + 7(-3) = -19 \\ x - 21 = -19 \\ x = 2 \end{array}$$

Dengan menggunakan kaedah penghapusan yang lengkap, calon dapat menghapuskan pemboleh ubah  $z$  daripada persamaan pertama dan kedua. Seterusnya, calon melakukan proses sama yang melibatkan persamaan pertama dan ketiga. Setelah dua persamaan yang melibatkan pemboleh ubah  $x$  dan  $y$  diperoleh, penyelesaian persamaan linear serentak dijalankan dengan kaedah penghapusan untuk mencari nilai  $y$ ,  $x$  dan  $z$ .

Contoh 2:

$$\begin{array}{l}
 \textcircled{1} \rightarrow \textcircled{2} \\
 -3x + y + 4z = -7 \quad -\textcircled{1} \\
 \hline
 y = 3x - 4z - 7 \quad -\textcircled{4} \\
 \textcircled{2} \leftarrow \textcircled{4} = \textcircled{3} \\
 2x + 3y - 2z = -6 \quad -\textcircled{2} \\
 2x + 3(3x - 4z - 7) - 2z = -6 \\
 2x + 9x - 12z - 21 - 2z = -6 \\
 11x - 14z = -6 + 21 \\
 11x - 14z = 15 \quad -\textcircled{5} \\
 \textcircled{3} \leftarrow \textcircled{4} = \textcircled{6} \\
 -4x - 5y - 6z = 4 \quad -\textcircled{3} \\
 -4x - 5(3x - 4z - 7) - 6z = 4 \\
 -4x - 15x + 20z + 35 - 6z = 4 \\
 -19x + 14z = 4 - 35 \\
 -19x + 14z = -31 \quad -\textcircled{6} \\
 \hline
 \textcircled{7} \leftarrow z = x \\
 x = \frac{15 + 14z}{11} \quad \rightarrow x = \frac{21}{11} \\
 \quad = \frac{15 + 14(\frac{1}{2})}{11} \quad x = 2 \\
 \quad = \frac{15 + 7}{11}
 \end{array}$$

$$\begin{array}{l}
 \textcircled{5} \rightarrow \textcircled{7} \\
 11x - 14z = 15 \quad -\textcircled{5} \\
 11x = 15 + 14z \\
 x = \frac{15 + 14z}{11} \quad -\textcircled{7} \\
 \textcircled{6} \leftarrow \textcircled{7} = \textcircled{2} \\
 -19x + 14z = -31 \quad -\textcircled{6} \\
 -19\left(\frac{15 + 14z}{11}\right) + 14z = -31 \\
 \frac{-285 - 266z}{11} + 14z = -31 \\
 \frac{-285 - 266z + 154z}{11} = -31 \\
 -112z - 285 = -31(11) \\
 -112z = -341 + 285 \\
 z = \frac{-56}{-112} \\
 z = \frac{1}{2} \\
 \textcircled{4} \leftarrow x \quad z = 7 \\
 y = 3x - 4z - 7 \\
 \quad = 3(z) - 4\left(\frac{1}{2}\right) - 7 \\
 \quad = 6 - 2 - 7 \\
 y = -3 \\
 \therefore \begin{array}{l} y = -3 \\ x = 2 \\ z = \frac{1}{2} \end{array}
 \end{array}$$

Calon menggunakan kaedah penggantian dengan menjadikan  $y$  daripada persamaan pertama sebagai perkara rumus dan menggantikan ungkapan  $y$  tersebut ke dalam persamaan kedua dan persamaan ketiga. Seterusnya, calon menjadikan  $x$  sebagai perkara rumus dan menggunakan kaedah penggantian untuk mendapatkan nilai  $z$ ,  $x$  dan  $y$ .

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

$$\textcircled{3} - \textcircled{1} \times 3 :$$

$$-4x - 5y - 6z = 4$$

$$\begin{array}{r} (-) \quad \cancel{4x} + \cancel{6y} \\ \quad 6x + 9y - 6z = -18 \\ \hline -10x - 14y = 22 \quad \textcircled{4} \end{array}$$

Masukkan nilai  $y$  dalam  $\textcircled{6}$  :

$$\begin{aligned} x &= -19 - 7y \\ &= -19 - 7(24) \\ &= -187. \end{aligned}$$

$$\textcircled{2} + \textcircled{1} \times 2 :$$

$$-3x + y + 4z = -7$$

$$\textcircled{4} \quad 4x + 6y - 4z = -12$$

$$\hline x + 7y = -19 \quad \textcircled{5}$$

$$\text{Dari } \textcircled{5} : x = -19 - 7y \quad \textcircled{6}$$

Masukkan nilai  $x$  dan  $y$  dalam  $\textcircled{1}$  :

$$2x + 3y - 2z = -6$$

$$2(-187) + 3(24) - 2z = -6$$

$$-302 - 2z = -6$$

$$-2z = 296$$

$$z = -148$$

Masukkan  $\textcircled{6}$  dalam  $\textcircled{4}$  :

$$-10x - 14y = 22$$

$$-10(-19 - 7y) - 14y = 22$$

$$190 + \cancel{70y} - 14y = 22$$

$$\underline{14y = 22 - 190}$$

$$-7y = -168$$

$$y = 24$$

Calon menggunakan kaedah penghapusan dan penggantian dalam langkah penyelesaian. Namun, calon melakukan kesilapan aritmetik dalam proses kembangan ungkapan algebra  $-10(-19 - 7y) - 14y$ .

### Soalan 7(a)(i)

7 (a) Diberi bahawa tiga sebutan pertama bagi satu jujukan ialah 4, 8, 16.

*It is given that the first three terms of a sequence are 4, 8, 16.*

(i) Nyatakan jenis jujukan. Beri satu sebab untuk jawapan anda.

*State the type of sequence. Give a reason for your answer.*

Calon dikehendaki menyatakan jenis jujukan dan memberi satu sebab untuk jawapan tersebut dengan menggunakan konsep janjang geometri.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned} \text{i) } r_1 &= \frac{8}{4} & T_1 &= 4 \\ r_1 &= 2 & T_2 &= 8 \\ r_2 &= \frac{16}{8} & T_3 &= 16 \\ r_2 &= 2 \\ \text{since } \frac{T_2}{T_1} &= \frac{T_3}{T_2} = r_1 = r_2 = 2, \text{ this is geometric} \\ & \text{progression} \end{aligned}$$

Calon dapat mencari nisbah sepunya  $r_1$  dan  $r_2$ , kemudian membandingkannya. Berdasarkan perbandingan nilai nisbah sepunya yang sama, calon membuat rumusan jujukan tersebut merupakan jujukan geometri dengan justifikasi  $r_1 = r_2 = 2$ .

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{aligned} \text{ai) } \frac{T_2}{T_1} &= \frac{T_3}{T_2} & \text{The sequence are continuously times 2} \\ \frac{8}{4} &= \frac{16}{8} \\ 2 &= 2 \end{aligned}$$

Calon dapat mencari nisbah sepunya, tetapi tidak menyatakan jenis jujukan.

**Soalan 7(a)(ii)**

(ii) Seterusnya, cari sebutan ke- $n$  bagi jujukan itu.

*Hence, find the  $n^{\text{th}}$  term of the sequence.*

Calon dikehendaki **meneruskan penyelesaian** untuk mencari sebutan ke- $n$  dengan menggunakan rumus  $T_n$  bagi jujukan tersebut.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

$$\begin{aligned}T_n &= ar^{n-1} \\&= 4(2)^{n-1} \\&= 4\left(\frac{2^n}{2}\right) \\&= 2(2^n) \\T_n &= 2^{n+1}\end{aligned}$$

Calon dapat menggantikan nilai  $a$  dan nilai  $r$  dalam rumus  $T_n$  dan memberi jawapan dalam bentuk termudah.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

$$\begin{aligned}\text{ii) } T_n &= 4(2)^{n-1} \\&= 4(2)^{n-1}\end{aligned}$$

Calon dapat menggunakan rumus  $T_n$  tetapi jawapan tidak ditulis dalam bentuk termudah.

### Soalan 7(b)

- (b) Dalam suatu jangjang aritmetik, sebutan ke-2 ialah  $5p - 10$  dan sebutan ke-10 adalah 7 kali sebutan pertama,  $a$ .

Ungkapkan  $a$  dalam sebutan  $p$ .

*In an arithmetic progression, the 2<sup>nd</sup> term is  $5p - 10$  and the 10<sup>th</sup> term is 7 times the first term,  $a$ .*

*Express  $a$  in terms of  $p$ .*

Calon dikehendaki mengungkap  $a$  dalam sebutan  $p$  dengan menggunakan dua persamaan linear yang dibentuk daripada rumus  $T_n$ .

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned} (n) \quad T_2 &= 5p - 10 & d &= T_2 - T_1 & T_1 &= a \\ & & d &= 5p - 10 - a & & \\ T_{10} &= 7a \\ a + (n-1)d &= 7a \\ a + (10-1)(5p-10-a) &= 7a \\ a + 9(5p-10-a) &= 7a \\ a + 45p - 90 - 9a &= 7a \\ -15a &= 90 - 45p \\ a &= \frac{90 - 45p}{-15} \\ a &= -6 + 3p \end{aligned}$$

Calon dapat membentuk persamaan linear pertama yang melibatkan tiga pemboleh ubah  $a$ ,  $d$  dan  $p$  dengan menggunakan  $T_2$  atau  $d = T_2 - T_1$ . Kemudian, calon dapat membentuk persamaan kedua yang melibatkan dua pemboleh ubah  $a$  dan  $d$  dengan menggunakan  $T_{10}$ . Seterusnya, calon menggantikan ungkapan  $d$  dari persamaan pertama ke persamaan kedua dan mengungkap  $a$  dalam sebutan  $p$  dalam bentuk termudah.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

$$\begin{aligned} \text{(b) } T_2 &= 5p - 10 & T_{10} &= 7a \\ a + d &= 5p - 10 & a + 9d &= 7a \\ d &= 5p - 10 - a & a + 9(5p - 10 - a) &= 7a \\ & & a + 45p - 90 - 9a &= 7a \\ & & 3a &= -45p + 90 \\ & & a &= \frac{-45p + 90}{3} \\ & & a &= -15p + 30 \end{aligned}$$

Calon dapat menggunakan rumus  $T_n$  untuk membina dua persamaan linear tetapi melakukan kesilapan aritmetik semasa mengungkap  $a$  dalam sebutan  $p$ .

### Soalan 7(c)

- (c) Sebuah poligon dengan  $n$  sisi dilukis dengan keadaan saiz sudut-sudut pedalaman membentuk suatu jangjang aritmetik. Diberi bahawa saiz sudut pedalaman terbesar adalah 5 kali saiz sudut pedalaman terkecil,  $a$ .

Ungkapkan  $a$  dalam sebutan  $n$ .

*A polygon with  $n$  sides is drawn such that the sizes of its interior angles form an arithmetic progression. It is given that the size of the largest interior angle is 5 times the size of the smallest interior angle,  $a$ .*

*Express  $a$  in terms of  $n$ .*

Calon dikehendaki mengungkap  $a$  dalam sebutan  $n$  dengan menggunakan rumus  $S_n$  dan hasil tambah sudut pedalaman bagi poligon.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$(c) \text{ Total interior angle} = (n-2) \times 180^\circ$$

$$(n-2) \times 180^\circ = \frac{n}{2} [a+2]$$

$$(n-2) \times 180^\circ = \frac{n}{2} [a+5a]$$

$$180n - 360 = \frac{n}{2}(a) + \frac{n}{2}(5a)$$

$$\times 2; 360n - 720 = n(a) + n(5a)$$

$$a(n+5n) = 360n - 720$$

$$a = \frac{360n - 720}{n + 5n}$$

$$a = \frac{360n - 720}{6n}$$

$$a = \frac{60n - 120}{n}$$

Calon dapat menggunakan rumus hasil tambah  $n$  sebutan pertama,  $S_n$ , menyamakan dengan rumus hasil tambah sudut pedalaman bagi suatu poligon, dan mengungkap  $a$  dalam sebutan  $n$ .

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

e)

$$S_n = \frac{n}{2} [a + S_n]$$

$$= \frac{n}{2} [6a]$$

$$= \frac{6an}{2}$$

$$2 = 6an$$

$$\frac{2}{3} = 6a$$

$$a = \frac{1}{9n}$$

Calon dapat menggunakan rumus hasil tambah  $n$  sebutan pertama,  $S_n$  tetapi tidak dapat menyamakan dengan rumus hasil tambah sudut pedalaman bagi suatu poligon.

### Soalan 8 (a)

- 8 Diberi bahawa  $\sin A = \frac{p}{2}$  dan  $\sin(A+B) - \sin(A-B) = 2p$ , dengan keadaan  $A$  dan  $B$  ialah sudut tirus.

*It is given that  $\sin A = \frac{p}{2}$  and  $\sin(A+B) - \sin(A-B) = 2p$ , such that  $A$  and  $B$  are acute angles.*

Ungkapkan dalam sebutan  $p$  bagi

*Express in terms of  $p$  of*

(a)  $\cos A$ ,

$\cos A$ ,

Calon dikehendaki mengungkap  $\cos A$  dalam sebutan  $p$ . Calon perlu mencari sisi bersebelahan dengan menggunakan Teorem Pythagoras dan nisbah trigonometri bagi kosinus.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

a)  $\cos A = \frac{\sqrt{4-p^2}}{2}$

Calon dapat mencari sisi bersebelahan dan seterusnya mengungkap  $\cos A$  dalam sebutan  $p$ .

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

a)  $\cos A = \frac{\sqrt{2^2-p^2}}{2} = \frac{2-p}{2}$

Calon dapat mencari sisi bersebelahan dan mengungkap  $\cos A$  dalam sebutan  $p$  tetapi calon silap mempermudah ungkapan surd.

### Soalan 8(b)

(b)  $\sin B$ .

Calon dikehendaki menggunakan rumus sudut majmuk  $\sin(A \pm B)$  untuk mengungkap  $\sin B$  dalam sebutan  $p$ .

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

$$\begin{aligned} \text{b) } \sin(A+B) - \sin(A-B) &= 2p \\ \sin A \cos B + \cos A \sin B - [\sin A \cos B - \cos A \sin B] &= 2p \\ \sin A \cos B - \sin A \cos B + \cos A \sin B + \cos A \sin B &= 2p \\ 2 \cos A \sin B &= 2p \\ 2 \left( \frac{\sqrt{4-p^2}}{2} \right) \sin B &= 2p \\ \sin B &= \frac{2p}{\sqrt{4-p^2}} \end{aligned}$$

Calon dapat mengguna rumus sudut majmuk  $\sin(A \pm B)$ . Seterusnya, calon menggantikan jawapan daripada bahagian (a) untuk mengungkap  $\sin B$  dalam sebutan  $p$ .

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana


$$\begin{aligned} \text{b) } \sin(A+B) - \sin(A-B) &= 2p \\ \sin A \cos B + \cos A \sin B - \sin A \cos B - \cos A \sin B &= 2p \end{aligned}$$

Calon dapat menggunakan rumus sudut majmuk  $\sin(A \pm B)$  dengan baik tetapi melakukan kesilapan aritmetik khususnya penggunaan kurungan pada  $\sin(A-B)$  ketika operasi penolakan.

**Soalan 9(a)**

- 9 (a) Rajah 6 menunjukkan segi empat tepat  $ABCD$ .

*Diagram 6 shows the rectangle  $ABCD$ .*



Rajah 6  
Diagram 6

Pada suatu ketika, nilai  $x$  berubah dari 3 cm kepada  $(3 + p)$  cm, dengan keadaan  $p$  ialah suatu nilai kecil

Menggunakan pembezaan, ungkapkan dalam sebutan  $p$ , perubahan kecil bagi luas  $ABCD$ , dalam  $\text{cm}^2$ , pada ketika itu.

*At an instant, the value of  $x$  changes from 3 cm to  $(3 + p)$  cm, such that  $p$  is a small value.*

*Using differentiation, express in terms of  $p$ , the small change in the area of  $ABCD$ , in  $\text{cm}^2$ , at that instant.*

Calon dikehendaki menentukan perubahan kecil luas segi empat tepat  $ABCD$  dalam sebutan  $p$  dengan menggunakan **kaedah pembezaan**,  $\frac{\delta L}{\delta x} \approx \frac{dL}{dx}$ .

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

$$a) A = (5x - 1)(2x)$$

$$A = 10x^2 - 2$$

$$\frac{dA}{dx} = (2)(10)x^{2-1} - (1)(2)x^{1-1}$$
$$= 20x - 2$$

$$\delta x = 3 + p - 3$$

$$\delta x = p \text{ cm}$$

$$\frac{\delta A}{\delta x} = \frac{dA}{dx}$$

$$\frac{\delta A}{p} = 20x - 2$$

$$x = 3,$$

$$\frac{\delta A}{p} = 20(3) - 2$$

$$\frac{\delta A}{p} = 58$$

$$\delta A = 58 p \text{ cm}^2$$

Calon dapat mengungkap luas dalam sebutan  $x$  dan membuat pembezaan dengan tepat. Kemudian, calon menggantikan nilai  $x = 3$  dan  $\delta x = p$  untuk mencari perubahan kecil bagi luas segi empat  $ABCD$ .

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

$$y = 2x(5x - 1)$$
$$= 10x^2 - 2x$$

$$\frac{dy}{dx} = 20x - 2$$

$$\delta y = \frac{dy}{dx} \times \delta x$$

$$= 20x - 2 \times p$$

$$= 20px - 2p$$


$$\delta x = 3 + p - 3$$
$$= p$$

Calon dapat mengungkap luas dalam sebutan  $x$  dan membuat pembezaan dengan tepat. Namun, calon tidak menggantikan  $x = 3$  dan melakukan kesilapan operasi aritmetik dalam penggunaan kurungan dalam rumus perubahan kecil.

### Soalan 9(b)(i)

- 9 (b) Rajah 7 menunjukkan dua lot petak tanah, P dan Q. Kedua-dua lot akan ditanam sepenuhnya dengan rumput yang sama jenis.

*Diagram 7 shows two lots of land, P and Q. Both lots will be planted completely with the same type of grass.*



Rajah 7  
Diagram 7

Diberi bahawa perimeter lot P ialah 54 m dan luas lot Q ialah  $L \text{ m}^2$ .

*It is given that the perimeter of lot P is 54 m and the area of lot Q is  $A \text{ m}^2$ .*

- (i) Menggunakan pembezaan, cari nilai  $y$ , dengan keadaan  $L$  ialah maksimum.

*Using differentiation, find the value of  $y$ , such that  $A$  is a maximum.*

Calon dikehendaki mencari nilai  $y$  dengan keadaan luas,  $L$ , ialah maksimum dengan mengaplikasikan konsep pembezaan.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

$$\begin{aligned} A &= \frac{1}{2} \times (3y + 5y) (38 - 8y) \\ A &= \frac{1}{2} (114y - 24y^2 + 190y - 40y^2) \\ A &= \frac{1}{2} (304y - 64y^2) \\ A &= 152y - 32y^2 \\ \frac{dA}{dy} &= 152 - 64y \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{9bi)} \quad \frac{dA}{dy} &= 152 - 64y \\ 0 &= 152 - 64y \\ 64y &= 152 \\ y &= 2.375 \end{aligned}$$

Calon dapat mengungkap luas trapezium,  $A$ , dalam sebutan  $y$ , membezakan  $A$  terhadap  $y$  dan menyamakannya dengan sifar untuk mencari nilai  $y$ .

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

$$\begin{aligned} A &= \frac{1}{2} \times (5y+3y) \times (38-8y) \\ &= \frac{1}{2} (190y - 40y^2 + 114y - 24y^2) \\ &= \frac{1}{2} (-64y^2 + 304y) \\ A &= -32y^2 + 152y \\ \frac{dA}{dy} &= -64y + 152 \\ -64y + 152 &< 0 \\ y &< 2.375 \end{aligned}$$

Calon dapat mengungkap luas trapezium,  $A$ , dalam sebutan  $y$  serta membezakan  $A$  terhadap  $y$ . Namun, calon tidak menyamakan hasil pembezaan dengan sifar untuk menentukan nilai maksimum.

### Soalan 9(b)(ii)

- (ii) Seterusnya, tentukan lot yang akan ditanam dengan rumput yang paling banyak. Justifikasikan jawapan anda.

*Hence, determine the lot that will be planted with the most grass. Justify your answer.*

Calon dikehendaki membandingkan keluasan lot  $P$  (segi empat tepat) dan lot  $Q$  (trapezium) bagi menentukan lot yang boleh ditanam dengan rumput yang lebih banyak. Soalan ini menguji kemahiran calon membuat perbandingan kuantitatif dan justifikasi pemilihan.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

$$\begin{aligned} \text{ii) Perimeter} &= x + x + (x-1) + (x-1) \\ 54 &= 2x + x - 1 + x - 1 \\ 54 &= 4x - 2 \\ 56 &= 4x \\ x &= 14 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Area } P &= 14 \times (14-1) \\ &= 14 \times 13 \\ &= 182 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Area } Q &= \frac{1}{2} \times (5(2.375) + 3(2.375)) (38 - 8(2.375)) \\ &= \frac{1}{2} \times (11.875 + 7.125) (19) \\ &= \frac{1}{2} \times 19 \times 19 \\ &= 180.5 \end{aligned}$$

$P$  can plant with the most grass  
because  $182 > 180.5$

Calon dapat membentuk persamaan perimeter lot  $P$ , mencari nilai  $x$  dan luas lot  $P$ . Calon juga berjaya mencari luas lot  $Q$  dengan menggunakan nilai  $y = 2.375$  daripada ceraihan (i). Seterusnya, calon dapat menentukan lot  $P$  adalah lebih luas daripada lot  $Q$  dan memberikan justifikasi.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

$$(2) \quad 2x + 2(x-1) = 54$$

$$2x + 2x - 2 = 54$$

$$x = 14$$

$$\text{Lot P} = 14(14-1)$$

$$= 182 \text{ m}^2$$

$$\text{Lot Q} = \frac{1}{2} 150\left(\frac{14}{8}\right) - 32\left(\frac{14}{8}\right)^2$$

$$= 301 - \frac{361}{2}$$

$$= \frac{361}{2} \text{ m}^2$$

$$= 180.5 \text{ m}^2$$

$\therefore$  Lot P

Calon dapat membentuk persamaan perimeter lot  $P$ , mencari nilai  $x$  dan luas lot  $P$ . Calon juga dapat mencari luas lot  $Q$  menggunakan nilai yang diperolehi daripada ceraihan (i). Namun, calon menentukan lot  $P$  adalah lebih luas tanpa memberi justifikasi.

### Soalan 10(a)

10 (a) Diberi bahawa  $\frac{d}{dx}\left(\frac{1}{x^2+1}\right) = g(x)$ , cari  $\int [3g(x)+1]dx$ .

Given that  $\frac{d}{dx}\left(\frac{1}{x^2+1}\right) = g(x)$ , find  $\int [3g(x)+1]dx$ .

Calon dikehendaki menentukan kamiran bagi fungsi  $[3g(x)+1]$  terhadap  $x$ . Calon perlu menggunakan sifat-sifat bagi kamiran tentu, konsep pengamiran sebagai songsangan pembezaan, serta mencari kamiran tak tentu bagi suatu pemalar.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned} 10a) \quad y &= \frac{1}{x^2+1} \\ \frac{dy}{dx} &= g(x) \\ \int [3g(x)+1] dx & \\ &= 3\int g(x) dx + \int 1 dx \\ &= 3\left(\frac{1}{x^2+1}\right) + x + c \\ &= \frac{3}{x^2+1} + x + c \end{aligned}$$

Calon dapat mengaplikasikan sifat-sifat kamiran bagi tentu iaitu  $\int g(x) dx + \int 1 dx$  dan

$3\int g(x) dx$ . Kemudian, calon dapat menentukan  $\int g(x) dx = \frac{1}{x^2+1}$  dengan konsep pengamiran sebagai songsangan pembezaan dan kamiran tak tentu bagi pemalar 1 ialah  $x+c$ .

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana


$$\begin{aligned} \text{a) } \frac{d}{dx} \left( \frac{1}{x^2+1} \right) &= g(x) \\ \frac{1}{x^2+1} &= \int g(x) \\ \int [3g(x) + 1] dx & \\ &= \int 3g(x) dx + \int 1 dx \\ &= 3 \times \int g(x) dx + x \\ &= 3 \left( \frac{1}{x^2+1} \right) + x \\ &= \frac{3}{x^2+1} + x \end{aligned}$$

Calon dapat mengaplikasikan sifat-sifat bagi kamiran tentu dan menentukan  $\int g(x) dx = \frac{1}{x^2+1}$  tetapi tidak dapat menentukan kamiran tak tentu bagi pemalar 1 ialah  $x+c$ .

**Soalan 10(b)(i)**

(b) Rajah 8 menunjukkan graf  $x = f(y)$ .

Diagram 8 shows the graph  $x = f(y)$ .



Rajah 8  
Diagram 8

Diberi bahawa luas kawasan berlorek ialah  $\frac{9}{2}$  unit<sup>2</sup> dan  $\int_0^h f(y) dy = \int_k^m f(y) dy = \frac{3}{2}$ .

It is given that area of the shaded region is  $\frac{9}{2}$  unit<sup>2</sup> and  $\int_0^h f(y) dy = \int_k^m f(y) dy = \frac{3}{2}$ .

Cari nilai bagi

Find the value of

(i)  $\int_0^k f(y) dy$ ,

Calon dikehendaki mencari nilai  $\int_0^k f(y) dy$  dengan mengenal pasti nilai kamiran tentu berdasarkan luas yang diberi dan mengaplikasikan sifat-sifat bagi kamiran tentu.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$$\begin{aligned} \text{(i) Luas } h \text{ hingga } k &= \frac{9}{2} - 2\left(\frac{3}{2}\right) \\ &= \frac{3}{2} \\ \int_0^k f(y) dy &= \frac{3}{2} + \left(-\frac{3}{2}\right) \\ &= 0 \end{aligned}$$

Calon dapat menentukan nilai kamiran tentu bagi  $\int_h^k f(y) dy = -\frac{3}{2}$  dan  $\int_0^h f(y) dy = \frac{3}{2}$ .

Kemudian calon dapat mencari nilai  $\int_0^k f(y) dy$  dengan mengaplikasikan sifat-sifat bagi kamiran tentu, iaitu  $\int_0^k f(y) dy = \int_0^h f(y) dy + \int_h^k f(y) dy$ .

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$$\begin{aligned} \int_h^k f(y) dy &= \frac{9}{2} - \frac{3}{2} - \frac{3}{2} \\ &= \frac{3}{2} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \int_0^k f(y) dy &= \int_0^h f(y) dy + \int_h^k f(y) dy \\ &= \frac{3}{2} + \frac{3}{2} \\ &= 3 \text{ unit}^2 \end{aligned}$$

Calon menunjukkan kefahaman terhadap sifat pemisahan had bagi kamiran tentu, iaitu

$\int_0^k f(y) dy = \int_0^h f(y) dy + \int_h^k f(y) dy$ . Namun, calon tidak dapat menentukan nilai

$\int_h^k f(y) dy = -\frac{3}{2}$  menyebabkan pengiraan nilai  $\int_0^k f(y) dy$  tidak tepat.

**Soalan 10(b)(ii)**

$$(ii) \int_h^k x \, dy + \int_k^m \frac{5}{4} f(y) \, dy.$$

Calon dikehendaki mencari nilai bagi  $\int_h^k x \, dy + \int_k^m \frac{5}{4} f(y) \, dy$  dengan mengenal pasti nilai kamiran tentu berdasarkan luas yang diberi dan mengaplikasikan sifat-sifat bagi kamiran tentu.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

$$\begin{aligned} (ii) \int_h^k x \, dy + \int_k^m \frac{5}{4} f(y) \, dy &= \int_h^k f(y) \, dy + \frac{5}{4} \int_k^m f(y) \, dy \\ &= -\frac{3}{2} + \frac{5}{4} \left( \frac{3}{2} \right) \\ &= \frac{3}{8} \end{aligned}$$

Calon dapat menentukan nilai  $\int_h^k x \, dy = \int_h^k f(y) \, dy = -\frac{3}{2}$  dan  $\int_k^m f(y) \, dy = \frac{3}{2}$ . Seterusnya, calon menggantikan nilai tersebut untuk memperoleh jawapan dengan tepat.

